KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	27/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	1&2
JABATAN	:	UMUM			

Utusan 27.1 2022_1

Tragedi Highland Towers boleh berulang

Oleh OMAR ZIN
omar.zin@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tragedi Highland Towers pada 1993 yang mengorbankan 48 nyawa mungkin berulang jika semakin banyak tanah runtuh berlaku di kawasan perumahan di sekitar Lembah Klang, terutamanya selepas dilanda banjir buruk bulan lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata, tragedi itu tidak menjadi pengajaran dan seolah-olah sudah dilupakan apabila tanah runtuh terus berlaku di kawasan-kawasan perumahan.

Bersambung di muka 2



Tanah mendap

LIMA kenderaan awam rosak dalam kejadian tanah mendap dan runtuhan berhampiran longkang di deretan kedai di Lestari Perdana di Seri Kembangan, kelmarin. – UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Utusan 27.1 2022_2

Tragedi Highland Towers boleh berulang

Dari muka 1

Katanya, selepas hampir 30 tahun tragedi itu berlaku, sepatutnya sudah ada panduan dan peraturan tertentu sekiranya pembangunan dibuat di cerun bukit dan kawasan yang mempunyai aliran air bawah tanah dan jenis tanah yang longgar.


"Segala peraturan dan faktor rekabentuk, kejuruteraan, geologi dan hidrologi serta lanskap perlu dilihat secara bersepadu sebelum pembangunan dilaksanakan dengan teratur.

"Maknanya, pergerakan air bawah tanah, jenis tanah dan struktur perlu juga dilihat. Keadaan tertentu aliran air tidak boleh dihalang dan perkiraan perlu dibuat dari segi air curahan hujan, kemampuan tanah menampung air hujan dan aliran keluar ke sungai," katanya.

Bulan lalu, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mendedahkan, sebanyak 46 lokasi tanah runtuh dilaporkan di Selangor dan Kuala Lumpur dengan sembilan daripadanya pada tahap kritikal.

Berdasarkan laporan kejadian tanah runtuh Monsun Timur Laut, sembilan lokasi tanah runtuh itu membabitkan dua lokasi iaitu Kampung Palimbayan di Sungai Penchala dan Taman Duta di Seri Duta.

Selebihnya adalah di Selangor iaitu Taman Nusa, Subang; Apartment Teratai, Selayang; Jalan Bunga Anggerik, Taman Melawati; Jalan Melati 7, Taman Seri Melati; Kampung Sepakat, Batu 16, Rawang; Jalan Saidina Hamzah, Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang; dan Jalan Haji Abdul Latif, Kampung Bukit Kapar, Klang.



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melihat kerja-kerja pemasangan benteng besi susulan tanah mendap di Lestari Perdana, Seri Kembangan, Selangor, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Kesemua kawasan kritikal itu termasuk 36 lokasi tanah runtuh yang telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan. Malah JMG telah membuat penilaian serta menjalankan pemantauan berterusan di tapak kejadian tanah runtuh berkenaan.

Ahmad berkata, peristiwa 11 Disember 1993 yang meragut 48 nyawa itu seharusnya menjadi pengajaran kepada semua pihak.

"Kejadian Highland Towers masih diingati dan terus tinggal sejarah yang boleh diceritakan berulang kali apabila berlaku tanah runtuh atau tanah mendap berlaku di kawasan perumahan.

"Namun, sejauh mana peristiwa itu menjadi pengajaran masih menjadi persoalan," katanya.

Selain itu, 10 lagi tapak kejadian tanah runtuh sedang dalam tindakan secara berperingkat mengikut keutamaan, antaranya membabitkan kawasan di Taman Keramat dan Jalan Kia Peng.

Di Selangor pula melibatkan antaranya Taman Zooview; Riverdale Park Apartment, Ampang; Jalan Wangsa 1; Taman Melur, Ampang; Kampung Sungai Kelambu, Banting; Ukay Perdana, Ulu Klang; Jalan Selayang-Rawang; dan Jalan Banglo, Batu Arang.